

**TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL
KEMPEN “PB FCY FD”
(KEMPEN DEPOSIT TETAP MATA WANG ASING)**

Kempen “PB FCY FD” [“Kempen”] ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (“PBB”). Terma dan Syarat yang berikut mengawal Kempen yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang dinyatakan selepas ini:

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **12 September 2018 hingga 31 Mac 2019**, [termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”)]. PBB berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamatnya Tempoh Kempen.
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian (“Peserta yang Layak”) dalam Kempen ini:
 - a) semua pelanggan PBB yang baharu dan sedia ada;
 - b) individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan (pemegang akaun persendirian atau bersama) termasuk bukan pemastautin, kakitangan tetap atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”);
 - b) bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan.
- 2.2 Untuk akaun bersama, Peserta yang Layak ialah pemegang akaun utama dan beliau akan dianggap sebagai seorang pemegang akaun. “Pemegang akaun utama” ditakrifkan sebagai orang yang namanya pertama tercatat dalam akaun bersama dalam rekod PBB.
- 2.3 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

3. Mekanisme Kempen:

- 3.1 Produk yang Layak* di bawah Kempen ini ialah Deposit Tetap Mata wang Asing PB (FCY FD).

Nota* - Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

- 3.2 Tiga (3) mata wang asing yang mengambil bahagian dalam Kempen ini ialah:

No.	Mata wang Asing yang Mengambil Bahagian
1.	Dolar AS (USD)
2.	Pound Sterling (GBP)
3.	Dolar Australia (AUD)

- 3.3 Peletakan deposit di bawah Kempen ini tertakluk pada amaun minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Minimum : Mata wang asing yang bersamaan dengan RM50,000 bagi setiap resit

Maksimum : Tiada amaun maksimum

- 3.4 Peletakan baharu mesti dibuat dalam Tempoh Kempen.
- 3.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan FCY FD dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM50,000 yang bersamaan dengan amaun mata wang asing **bagi setiap resit** bagi FCY FD yang Mengambil Bahagian.
- 3.6 Kadar Promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Untuk tempoh kempen dari 12 September 2018 hingga 3 Oktober 2018:

Mata wang Asing yang Mengambil Bahagian	Kadar Promosi (% setahun)		
	1 bulan	3 bulan	6 bulan
USD	2.12	2.55	2.80
GBP	0.50	1.00	1.15
AUD	1.80	2.40	2.50

Untuk tempoh tempoh dari 4 Oktober 2018 hingga 1 November 2018:

Mata wang Asing yang Mengambil Bahagian	Kadar Promosi (% setahun)		
	1 bulan	3 bulan	6 bulan
USD	2.35	2.85	3.00
GBP	0.50	1.00	1.15
AUD	1.80	2.40	2.50

Untuk tempoh tempoh dari 2 November 2018 hingga 31 Disember 2018:

Mata wang Asing yang Mengambil Bahagian	Kadar Promosi (% setahun)		
	1 bulan	3 bulan	6 bulan
USD	2.35	2.85	3.00
GBP	0.50	1.00	1.15
AUD	1.80	2.55	2.60

Untuk tempoh tempoh dari 1 Januari 2019 hingga 24 Februari 2019:

Mata wang Asing yang Mengambil Bahagian	Kadar Promosi (% setahun)		
	1 bulan	3 bulan	6 bulan
USD	2.50	3.00	3.15
GBP	0.50	1.15	1.30
AUD	1.80	2.55	2.60

Untuk tempoh tempoh dari 25 Februari 2019 hingga 31 Mac 2019:

Mata wang Asing yang Mengambil Bahagian	Kadar Promosi (% setahun)		
	1 bulan	3 bulan	6 bulan
USD	2.35	2.80	2.90
GBP	0.50	1.00	1.10
AUD	1.80	2.30	2.40

- 3.7 Kadar Promosi hanya diterima pakai bagi peletakan FCY FD baharu yang ditukar daripada dana dalam Ringgit Malaysia (RM) atau dana mata wang asing lain yang menggunakan kadar kaunter.
- 3.8 Pembaharuan mana-mana dana FCY FD yang sedia ada **TIDAK** layak untuk Kadar Promosi berkenaan. Pergerakan dana dalam mata wang yang sama juga **TIDAK** layak untuk Kadar Promosi.
- 3.9 FCY FD ini adalah peletakan untuk 1 bulan, 3 bulan atau 6 bulan sahaja. Kadar Promosi diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Apabila matang, FD FCY akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh 1 bulan, 3 bulan atau 6 bulan pada kadar kaunter FCY FD yang sedia ada.
- 3.10 Faedah akan dibayar dalam mata wang yang sama seperti mana peletakan FCY FD ke dalam akaun FCY FD Peserta yang Layak apabila matang.

- 3.11 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.12 Kadar Promosi ditetapkan semasa penyertaan / peletakan.
- 3.13 **Peletakan FCY FD yang dikeluarkan sebelum matang semasa tempoh tersebut tidak layak untuk mendapat apa juga faedah.**

Syarat di atas akan terus berkuat kuasa apabila peletakan FCY FD diperbaharui.

- 3.14 Pengeluaran sebahagian peletakan FCY FD **TIDAK** dibenarkan.
- 3.15 Kadar Promosi adalah tertakluk pada semakan sekiranya terdapat perubahan pada keadaan pasaran sedia ada.
- 3.16 **Risiko Kadar Pertukaran mungkin ditanggung semasa penukaran (jika ada) deposit mata wang asing. Perolehan daripada deposit mata wang asing bergantung pada kadar pertukaran semasa ketika deposit mata wang asing dikeluarkan. Perubahan dalam kadar pertukaran asing bagi penukaran itu mungkin menyebabkan pengurangan dalam perolehan faedah (jika ada) berkenaan dengan deposit dalam akaun tersebut.**
- 3.17 Semua arahan bagi pengeluaran FCY FD mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatanganan dibenarkan akaun berkenaan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan tersebut. PBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen berkenaan pada pandangan PBB berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan sebagaimana tandatangan contoh.
- 3.18 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam FCY FD di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dicagar untuk overdraf / kemudahan tunai-i / kemudahan atau pembiayaan lain.

4. Hak PBB

- 4.1 Tanpa prejudis terhadap peruntukan dalam Perkara 3.15 di atas dan melainkan bagi Kadar Promosi yang dinyatakan dalam Perkara 3.6 di atas yang ditetapkan semasa penyertaan / peletakan tersebut, PBB berhak dan mengikut budi bicara mutlaknya untuk meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web PBB atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang PBB anggap sesuai dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh

PBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk terikat dengan pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat seumpama itu seperti yang dinyatakan di atas.

- 4.2 Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen ini oleh PBB tidak memberi hak kepada Peserta yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau ganti rugi daripada PBB bagi apa-apa dan semua kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau yang dialami oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung berikutan daripada perubahan tempoh masa atau tarikh tamat atau tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan tersebut.

5. Lain-lain

5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian FCY FD dengan PBB, yang salinannya telah diberikan kepada Peserta yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara terma dan syarat ini dengan Peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian FCY FD tersebut, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan dan didahulukan;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan FCY FD ini diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;
- c) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan bahawa tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani.

5.2 Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin mendapatkan berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB dan rakan sekutu PBB, sila layari www.pbebank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
